



Selasa, 15 Jun 2021, 10:41am
Waktu Solat Kuala Lumpur : Zohor 1:17 PM



Cari kata kunci



RASAI BERITA SEBENAR

Lima peratus petugas media terima suntikan vaksin

[Rafidah Mat Ruzki dan Luqman Arif Abdul Karim](#)

am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan. FOTO Arkib NSTP

Putrajaya: Sekitar 250 dos vaksin diberikan kepada petugas media di seluruh negara sejak golongan yang ditakrifkan sebagai petugas barisan hadapan itu mula diberi suntikan pelalian pada Rabu lalu.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin, berkata, prestasi pemberian suntikan vaksin untuk petugas media ketika ini berada pada tahap lima peratus daripada keseluruhan 5,000 nama disenaraikan dan diberikan kepada Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF).

Katanya, CITF juga dalam proses memberikan janji temu kepada petugas dalam senarai berkenaan, termasuk mereka yang akan membuat liputan ke Sukan Olimpik Tokyo pada penghujung bulan depan.

"Hari ini (semalam) kita mula memberi vaksin kepada lebih 38 petugas media, daripada 47 agensi tempatan dan antarabangsa yang akan membuat liputan di Sukan Olimpik Tokyo bagi mendapatkan suntikan


Trending



[Buang bayi, pasangan kekasih ditahan](#)




[Anak syurga jadi penyelamat](#)




[Polis siasat insiden penguat kuasa PBT bergelut dengan peniaga \[METROTV\]](#)



[Cikgu Roslan kental walau disapa dugaan](#)



[Jika lahir, di mana bayinya?](#)



[UPDATE: Rekod pendaftaran dah tiada!](#)

dos pertama mereka di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEV) dengan bantuan Persatuan Penulis Sukan Malaysia (SAM).

"Selebihnya bagi petugas yang mendapat suntikan dos pertama seperti AstraZeneca, CITF akan mengatur janji temu dos kedua mereka supaya mereka sempat melengkapkan perlindungan mereka sebelum berlepas pada bulan depan," katanya pada sidang media selepas mesyuarat CITF, di sini, tadi.

Turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Khairy berkata, sebanyak 700 janji temu diberikan kepada petugas media di seluruh negara untuk menerima suntikan dos pertama vaksinasi Covid-19 sehingga semalam.

Beliau menjelaskan bahawa CITF akan mengeluarkan lebih banyak janji temu dalam minggu ini, daripada 1,500 yang dijanjikan pada Rabu lalu.

"CITF perlu mengimbangi keperluan vaksinasi buat rakan-rakan media kita, dengan keperluan imunisasi untuk warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan golongan komorbid yang turut diutamakan dalam fasa kedua PICK," katanya.

- [Lagi berita berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan](#)
- [Lagi berita berkaitan Covid-19](#)

Disiarkan pada: Jun 14, 2021 @ 5:11pm

Artikel Berkaitan



MUTAKHIR
[Khairy nafi arahkan pekerja Genting Group diberi vaksin](#)



MUTAKHIR
[Petugas media mula dapat suntikan vaksin Rabu ini](#)



MUTAKHIR
[500,000 guru wajar diberikan vaksin Covid-19](#)



MUTAKHIR
[Vaksin kepada pekerja sektor ekonomi beroperasi sepanjang SPP \[METROTV\]](#)

Disyorkan untuk anda

Iklan oleh



Ivanka Trump



Petaling Jaya:



Dental Implant



Malaysia: New

Mutakhir



[4,688,233 individu sudah terima suntikan vaksin](#)



[Polis cari lima suspek kes samun, pukul pembantu kedai](#)



[Buang bayi, pasangan kekasih ditahan](#)



[PGA tumpaskan sindiket ketum di JB, Kulai](#)



[Pemuda sindrom down gigih teman bapa ke PPV](#)



[Anak syurga jadi penyelamat](#)

MyResipi



[Tips Pilih Buah Durian Supaya Dapat Isi Yang Lemak, Cantik & Sedap. Barulah Berbaloi Kalau Beli!](#)



[Jom Buat Roti Bakar Kaya Butter Ala Kopitiam, Guna 3 Bahan Je!](#)



[Tips Mudah Kopek Kerang, Supaya Isi Tidak Hancur & Kekal Cantik](#)



[Resepi Kuey Teow Goreng Sup Siam, Terlajak Sedap!](#)



[Tips Bagi Mengekalkan Kelembutan Daging, Confirm Tak Liat!](#)

**and Jared
Kushner Lease...**
Mansion Global



**Mendapatkan
pinjaman
mungkin lebih...**
Pinjaman | Senarai Taj...

**Liquidation Of
Unsold 2020...**
SUV Deals | Search Ads



**Petaling Jaya:
Unsold SUVs are
almost being...**
Unsold SUVs | Sponso...

**Prices in Nearby
Countries in...**
Dental Implants | Sear...



**Affordable
Retirement
Homes in...**
Luxury Retirement | S...

**"Lung Cleaning"
Device Is Going...**
AirPhysio



**Residents of
Petaling Jaya
can Get Unsold...**
New Cars | Search Ads



© 2021 Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd.
A part of Media Prima Group.

Hubungi Kami
Team myMetro
RSS Feed
Disclaimer
Notis Perlindungan
Data Peribadi

Utama
Mutakhir
Global
Arena
Rap/Rapxtra
Bisnes
MetroTV

Akademia
#ITMetro
Ku Bela
Santai
P&P
Dekotaman
WM

Addin
Rencana
Sihat
Xpresi
Vroom
Galeri
Infografik